

BAB KEEMPAT

ANALISIS PENGGUNAAN FRASA OBJEK DALAM
AYAT DI KALANGAN PELAJAR TINGKATAN LIMA
SMU(A) MA'AHAD MUHAMMADI
KOTA BHARU.

4.0. Pendahuluan

Setelah membincangkan secara terperinci mengenai frasa objek dalam bahasa Arab, penulis dapat membuat rumusan objek adalah penting dalam pembentukan struktur ayat yang lengkap. Bahasa Arab merupakan bahasa struktural (النظام). Oleh yang demikian, kesempurnaan ayat berkait rapat dan bergantung penuh kepada susunan kata menurut sistem sintaksisnya.

Dalam konteks perbincangan ini , pengkaji cuba menganalisis tentang kelemahan-kelemahan yang dilakukan oleh sampel di dalam soalan-soalan latihan yang berkaitan dengan objek.

4.1. Sumber data

Sumber data kajian ini diperoleh daripada borang soal selidik (lampiran 1) yang diedarkan kepada 100 orang responden terdiri daripada pelajar tingkatan lima di Ma'ahad Muhammadi. Sampel ini dipilih secara rawak terdiri daripada 50 pelajar lelaki dan 50 pelajar perempuan yang telah mempunyai pengetahuan bahasa Arab bermula pra tingkatan satu sehingga tingkatan lima. Soalan-soalan ini telah dijawab oleh sampel secara ikhlas dan pengkaji membuat catatan hasil daripada fakta-fakta yang telah dikemukakan.

4.2. Masa

Masa diperuntukkan selama satu jam untuk memenuhi borang soal selidik yang telah disediakan. Peruntukan masa ini amat sesuai untuk menilai tahap penguasaan dan kesilapan mereka dalam penggunaan objek bahasa Arab .

4.3. Penilaian Data

Penulis mengkelaskan setiap data yang disemak semula dengan teliti mengikut maklum balas yang diperoleh daripada sampel seperti berikut :

- i) Penguasaan dan minat bahasa Arab.
- ii) Penguasaan dan kesilapan pemakaian objek dalam ayat.
- iii) Penguasaan fleksi objek.

4.4. Analisis Data

Analisis-analisis yang dijalankan ke atas kumpulan pelajar adalah sebagaimana berikut:

4.4.1. Analisis penguasaan dan minat terhadap bahasa Arab

Peratusan analisis penguasaan dan minat pelajar terhadap bahasa Arab sebagaimana dalam jadual di bawah ini:

4.4.1.1. Analisis Minat Terhadap Bahasa Arab

Jadual (24) : Minat Terhadap Bahasa Arab

ANALISIS MINAT TERHADAP BAHASA ARAB	JUMLAH PERATUS
SANGAT MINAT	67%
SEDERHANA	23%
KURANG BERMINAT	8%
TIDAK BERMINAT	2%
JUMLAH	100%

Berdasarkan jadual 24, sejumlah 67% sampel di kalangan mereka adalah dalam kumpulan sangat minat terhadap bahasa Arab. Faktor minat ini ada kaitannya dengan kecemerlangan sekolah Ma'ahad Muhammadi dari segi pencapaian akademik dan kesohorannya sejak berzaman dengan nama sekolah Arab yang terunggul. Peratusan jawapan pelajar dalam kumpulan sederhana minat dan kurang minat sebanyak 23% dan 8%. Jumlah peratusan yang paling rendah ialah kumpulan tidak berminat terhadap bahasa Arab sebanyak 2% sahaja.

Pelajar sangat berminat terhadap bahasa Arab kerana bahasa ini merupakan bahasa Al-Quran dan Hadith. Banyak ilmu-ilmu agama diterjemahkan melalui bahasa Arab seperti tafsir, hadith dan lain-lain lagi. Oleh kerana kesedaran para ibu bapa terlalu tinggi terhadap bahasa ini mereka terus memberi motivasi yang tinggi kepada anak-anak supaya mempelajari bahasa Arab ini. Oleh yang demikian, peratusan minat terhadap bahasa Arab tertinggi.

4.4.1.2. Pengetahuan dan Penguasaan Bahasa Arab

Jadual (25) : Pengetahuan dan Penguasaan Bahasa Arab

PENGETAHUAN DAN PENGUASAAN BAHASA ARAB	JUMLAH PERATUS
AMAT BAIK	0 %
BAIK	15%
SEDERHANA	61%
LEMAH	20%
AMAT LEMAH	4%
JUMLAH	100%

Berdasarkan data kaji selidik di atas, dapat dibuat rumusan tentang penguasaan dan pengetahuan bahasa Arab yang mana peratus tertinggi ialah mencatat angka 61% dari golongan sederhana dan 20% pada tahap lemah. Jumlah peratusan ini perlu diberi perhatian dan tumpuan yang serius demi mencapai tahap yang baik. Dalam konteks ini, pengkaji mendapati hanya 15% dari jumlah sampel dapat menguasai bahasa Arab dengan baik dan selebihnya 4% berada dalam keadaan amat lemah. Tidak ada seorang pun di kalangan mereka dapat menguasai bahasa Arab dengan tahap amat baik . Perkara seperti ini berlaku adalah kerana teknik pembelajaran dan pengajaran yang kurang berkesan. Walaupun pada keseluruhan guru-guru bahasa Arab yang terlibat dalam pembelajaran bahasa Arab mempunyai kelulusan yang diperlukan tetapi sebahagian besar mereka tidak terlatih secara langsung dengan pengajaran sintaksis bahasa Arab serta selok-belok bahasa tersebut (Muhammad Idris, 1996 : 232).

Penguasaan bahasa Arab di kalangan mereka amat sederhana kerana faktor struktur bahasa Arab lebih susah dari bahasa-bahasa lain. Contohnya satu patah perkataan kata kerja boleh dipecahkan kepada berpuluhan-puluhan perkataan lain. Misalnya perkataan pukul(ضرب) dapat dipecahkan kepada empat belas kata kerja kala kini, empat belas kata kerja kala lepas, enam kata kerja perintah, tiga kata nama pelaku, kata nama objek, kata nama tempat dan masa, kata nama benda dan sebagainya. Kesukaran mengenai nahu di dalam bahasa Arab adalah suatu realiti dan benar-benar

dirasai dan diakui oleh pelajar-pelajar, pengajar dan pengamal nahu bahasa Arab sama ada dari kalangan orang-orang Arab sendiri atau di sebaliknya. Kesukaran tersebut ialah kesukaran semula jadi seperti kesukaran dalam kaedah dan hukum-hukum fleksi. Ini tidak dapat dielakkan lagi kerana bahasa Arab merupakan bahasa agung yang dipilih oleh Allah untuk menjadi bahasa pengantar bahasa Al-Quran (Muhamad Mustafa, 1995 : 105). Perkara-perkara ini memerlukan kepada kesungguhan dan penelitian yang amat tinggi.

4.4.1.3. Analisis Kefahaman Teks dan Komunikasi

Jadual (26) : Kefahaman Teks dan Komunikasi

KEFAHAMAN TEKS DAN KOMUNIKASI	JUMLAH PERATUS
SANGAT BAIK	0 %
BAIK	24%
SEDERHANA	63%
LEMAH	9%
AMAT LEMAH	4%
JUMLAH	100%

Dengan berpandukan jadual di atas, sampel telah mengisi borang soal selidik yang disediakan mengenai kefahaman dan komunikasi mereka berbahasa Arab. Ini adalah sebagaimana yang tercatat dalam jadual 26. Hasil analisis terhadap data-data dalam jadual tadi menunjukkan bahawa 63% sampel berada dalam kumpulan sederhana. Ini merupakan jumlah yang terbesar dalam

kategori ini. Manakala peratus yang kedua diikuti oleh tahap sederhana dengan memiliki peratusannya berjumlah 24%. Walau bagaimanapun tahap lemah dengan kadar 9% dan amat lemah 4% sahaja. Kadang-kadang terdapat para pelajar boleh menguasai kefahaman teks bahasa Arab tetapi mereka lemah berkomunikasi.

Hal ini disebabkan oleh kurang penggunaan bahasa Arab semasa berkomunikasi dan tumpuan mereka semata-mata kepada teks dan bahan bacaan yang bertulis sahaja. Mereka tidak membiasakan diri dengan media seperti radio, kaset, VCD dan sebagainya. Oleh yang demikian, tidak ada seorang pun di kalangan mereka mendapat peratus amat baik .

4.4.1.4. Analisis Penguasaan Nahu Bahasa Arab

Jadual (27) : Penguasaan Nahu Bahasa Arab

PENGUASAAN NAHU DAN TATA BAHASA	JUMLAH PERATUS
SANGAT BAIK	10%
SEDERHANA	66%
LEMAH	15%
AMAT LEMAH	9%
JUMLAH	100%

Berdasarkan data dalam jadual di atas tadi, jumlah sampel mempunyai tahap penguasaan nahu dalam jumlah yang tertinggi ialah secara sederhana dengan memiliki peratusnya sebanyak 66% dan disusuli pula oleh kategori lemah dengan kadar 15%. Para

pelajar yang dapat menguasai nahu dan tata bahasa dengan tahap sangat baik hanyalah 10% sahaja. Dengan itu, selebihnya jawapan maklum balas sampel tahap amat lemah sebanyak 9%.

Penguasaan nahu dan tata bahasa para pelajar berada pada tahap minimus adalah kerana mereka tidak menghafal dan mengingati kaedah-kaedah nahu dan perbendaharaan kata. Untuk menguasai bahasa Arab dengan baik perkara ini menjadi penyumbang utama dalam penguasaan kebahasaan.

4.4.1.5. Analisis Penguasaan Fleksi

Jadual (28) : Penguasaan Fleksi

PENGUASAAN FLEKSI	JUMLAH PERATUS
AMAT BAIK	0%
BAIK	21%
SEDERHANA	35%
LEMAH	43%
AMAT LEMAH	1%
JUMLAH	100%

Melalui analisis ini ternyata bahawa tahap umum keupayaan pelajar mengenai penguasaan fleksi adalah lemah. Jumlah pelajar yang lemah mempunyai angka terbesar iaitu 43%. Jumlah sampel yang mendapat peratusan pada tahap sederhana ialah 35%. Dari jumlah sampel 100 orang, pelajar yang dapat menguasai fleksi

dengan baik hanyalah 21% sahaja. Ini adalah jumlah peratus yang agak kecil dan perlu dipertingkatkan lagi. Kadar amat lemah terlalu sedikit jika dibandingkan dengan bilangan peratusnya kumpulan lain. Kadar jumlahnya terlalu sedikit iaitu sebanyak 1% sahaja dan tidak ada seorang pun di kalangan mereka pada tahap penguasaan amat baik.

Setelah meneliti hasil kajian yang dijalankan, penulis mendapati antara kelemahan pelajar dalam sistem fleksi adalah berpunca daripada kelemahan mereka menentukan jenis kata dan fungsinya dalam sesuatu ungkapan. Kelemahan menentukan jenis kata bahasa Arab merupakan salah satu daripada aspek kesalahan umum yang memberi kesalahan fleksi.

4.4.1.6. Analisis Pengkelasan Kata dalam Bahasa Arab

Jadual (29) : Pengkelasan Kata

PENGKELASAN KATA	JUMLAH PERATUS
BAIK	27%
SEDERHANA	57%
LEMAH	14%
AMAT LEMAH	2%
JUMLAH	100%

Sampel telah dapat mengisi borang yang telah diberikan mengenai penguasaan mereka terhadap pengkelasan kata dalam bahasa Arab dengan peratus terbanyak iaitu 57% pada peringkat

sederhana diikuti 27% baik dan yang lemah 14%. Hanya 2% sahaja yang amat lemah.

Penguasaan pengkelasan kata pada tahap yang amat baik membanggakan. Pengkelasan kata merupakan syarat kemahiran bahasa Arab peringkat asas dan pra pengajian bagi sesuatu bahasa. Jika pengkelasan kata tidak dapat dikuasai oleh seseorang maka, penguasaan bahasa tidak tercapai dengan baik dan berkesan.

4.4.1.7. Analisis Kata Nama Tetap dan (المُغْرِب) Kata Nama Berubah

Jadual (30) : Kata Nama Tetap dan Berubah

KATA NAMA TETAP DAN KATA NAMA BERUBAH	JUMLAH PERATUS
BAIK	12%
SEDERHANA	42%
LEMAH	43%
AMAT LEMAH	3%
JUMLAH	100%

Dalam jadual di atas menunjukkan penguasaan pelajar tentang kata nama tetap dan kata nama berubah. Jumlah pelajar yang mendapat peratusan sederhana dan lemah mempunyai peratusan yang hampir sama banyak, iaitu 42% dan 43%. Peratus yang baik adalah 12% manakala peratusan amat lemah adalah 3% sahaja.

Peratusan tertinggi ialah pelajar lemah iaitu sebanyak 43% manakala peratusan paling rendah ialah kumpulan amat lemah .

Dalam keadaan ini, didapati bahawa para pelajar masih lagi keliru dan kurang berpengetahuan dalam menentukan sama ada kata nama tetap atau kata nama berubah. Kelemahan mereka ini adalah berpunca daripada tidak mengenali ciri-ciri kata nama tersebut.

4.4.1.8. Analisis Kata Kerja Transitif Dan Intransitif

Jadual (31) : Kata Kerja Transitif dan Intransitif

KATA KERJA TRANSITIF DAN INTRANSITIF	JUMLAH PERATUS
SANGAT BAIK	10%
BAIK	39%
SEDERHANA	32%
LEMAH	18%
AMAT LEMAH	1%
JUMLAH	100%

Berdasarkan data di atas sampel dapat menguasai kata kerja transitif dan tak transitif dengan tahap baik sebanyak 39% dan diikuti pada tahap sederhana dengan kadar peratusnya 32%. Ini menunjukkan satu perkembangan yang baik. Mereka yang tergolong dalam kumpulan sangat baik ialah 10% dan yang lemah 18%. Manakala peratus bagi pelajar yang merasa mereka amat lemah , adalah terlalu kecil iaitu 1% sahaja.

Dalam hal ini, didapati bahawa mereka sentiasa didedahkan dengan soalan-soalan latihan yang dapat membantu mereka memahami kehendak sebenar soalan yang dikemukakan. Tajuk kata kerja ini telah pun dipelajari oleh mereka dalam sukanan tingkatan dua dan tiga.

4.4.1.9. Analisis Penguasaan Objek, Jenis-jenis dan Bilangannya

Jadual (32) : Penguasaan Objek, Jenis dan Bilangan

OBJEK, JENIS-JENIS DAN BILANGAN	JUMLAH PERATUS
BAIK	8%
SEDERHANA	31%
LEMAH	59%
AMAT LEMAH	2%
Jumlah	100%

Dalam hal ini jelas bagi kita menunjukkan bahawa penguasaan pelajar mengenai objek ini lemah iaitu 59%. Sampel yang berada dalam kumpulan baik hanya 8% dan bakinya amat lemah sebanyak 2%.

Kelemahan penguasaan dalam bahagian ini adalah kerana topik-topik ini baru dipelajari dan belum ditemui sebelumnya pada peringkat pra-tingkatan dan tingkatan tiga. Jadi sukar bagi mereka untuk memahami tentang objek, jenis dan bilangannya. Tambahan pula tajuk ini berkait rapat dengan tajuk-tajuk lain seperti kata nama

berubah, kata nama tetap, kata kerja intransitif yang berfungsi dan sebagainya. Dalam hal ini, merupakan kelemahan pada peringkat asas bahasa Arab.

4.4.2. Analisis Penguasaan dan Kesilapan Objek di Kalangan Pelajar

4.4.2.1. Analisis Binaan Ayat

Jadual (33) : Binaan Ayat

BINAAN AYAT OBJEK	JUMLAH PERATUS
BETUL	76%
SALAH	16%
TIDAK ADA JAWAPAN	8%
JUMLAH	100%

Berdasarkan dapatan data di atas, pengkaji membuat satu analisis bahawa pelajar dapat menjawab dengan baik dan tepat dari segi binaan dan struktur ayat yang lengkap. Keseluruhan pelajar yang memahami ayat yang betul mencapai jumlah 76%. Antara contoh jawapan mereka seperti berikut :

1. إِحْتَرَمَ مُحَمَّدَ أَبَاكَ (Muhammad memuliakan ayah awak)
2. أُحِبُّ الطَّالِبَيْنَ (Saya suka dua orang pelajar)
3. رَأَيْتُ الطَّالِبَيْنَ (Saya lihat dua orang pelajar)

Walau bagaimanapun masih terdapat 16% di kalangan sampel yang memberi jawapan yang salah. Ini kerana mereka tidak dapat

menguasai dan mengenali kata kerja jenis transitif dan tidak transitif. Antara sebab utama kesalahan ialah mereka tidak mengetahui makna kosa kata dalam bahasa Melayu. Dengan ini pelajar sukar menentukan kata kerja transitif dan tidak transitif. Contoh kesalahan mereka dapat dilihat dalam ayat di bawah ini :

1. يُصَلِّونَ الْمُسْلِمُونَ فِي الْمَسْجِدِ : (Orang Islam sembahyang di masjid)
2. سَمِعَتُ الطَّالِبَاتِ إِلَى الْذُرُونَ : (Para pelajar mendengar pelajaran)
3. يَدْهَبُ الْمُسْلِمُونَ إِلَى الْمَسْجِدِ : (Orang Islam pergi ke masjid)

Kesalahan dalam contoh 1 dan 3 di atas ialah dari sudut pemakaian kata kerja yang tidak memerlukan objek. Mereka mampu membuat binaan ayat yang lengkap tetapi tidak menepati kehendak soalan. Dalam konteks ayat pada contoh yang kedua pula kesalahan dari segi makna ayat dan penyalahgunaan partikel. Analisis bahagian ini menunjukkan sebahagian kecil sahaja iaitu 8% daripada mereka tidak mampu membina ayat yang mengandungi objek.

Jadual (34) : Binaan Ayat Objek

BINAAN AYAT OBJEK	JUMLAH PERATUS
BETUL SEMUA	42%
SALAH SEMUA	23%
TIDAK ADA JAWAPAN	35%
JUMLAH	100%

Dalam Jadual 34 (rujuk soalan 5 m/s144, Lampiran 11) menunjukkan pelajar tidak mampu menukar ayat intransitif

kepada ayat transitif. Kumpulan pelajar yang mampu menjawab dengan betul sebanyak 42% manakala pelajar yang gagal memberi jawapan yang betul ialah 23%. Kumpulan yang tidak menjawab bahagian ini jumlahnya agak besar iaitu 35%. Jika kumpulan ini dicampurkan dengan kumpulan salah semua maka peratusnya melebihi angka betul semua. Mereka gagal mengubah ayat dengan penambahan huruf, gandaan huruf atau mengubah timbangan kerja supaya menjadi ayat yang mempunyai objek. Contoh jawapan salah adalah seperti berikut :

1. (اجلسْ مُحَمَّدًا عَلَى الْمَقْعَدِ) (Duduklah Muhammad di atas kerusi)

2. (نُذَخْلُ عُمَرَ إِلَيْهِ الْإِسْلَامَ فِي فَتْحِ الْمَكَّةِ) (Omar akan dimasuk Islam semasa pembukaan kota Mekah)

3. (عَظِيلَةً أَبِيكَ) (Kebesaran ayah awak)

Kesalahan pelajar dalam soalan 1 ialah penambahan huruf alif pada awalan kata kerja membawa makna ayat kata kerja perintah.

(اجلسْ) bererti "duduklah". Apa yang sepatutnya dilakukan oleh pelajar ialah menambahkan huruf alif dan hamzah (ا) pada kata kerja intransitif. Para pelajar sebenarnya keliru dengan alif disertai hamzah dan alif tanpa hamzah untuk dijadikan kata kerja transitif. Kesalahan pelajar dalam contoh 2 ialah membina ayat pasif dan pemakaian huruf (ت) feminim pada awalan kata kerja bagi kata

nama pelaku maskulin. Kesalahan mereka dalam contoh 3 ialah membina ayat kata nama terbitan.

Antara jawapan pelajar yang betul sebagaimana berikut :

1. **أجلسَ مُحَمَّدًا عَلَى الْمَقْعِدِ.** (Dia mendudukkan Muhammad di atas kerusi)

2. **أَذْخَلَ عُمَرَ الْإِسْلَامَ فِي فَتْحِ الْمَكَّةِ.** (Omar telah memeluk Islam semasa pembukaan kota Mekah)

3. **عَزَّمْتُ أَبِيكَ.** (Saya telah membesar-besarkan ayah awak)

4. **كَرَمْتُ النَّاجِحَ.** (Saya memuliakan orang yang berjaya)

Dalam konteks binaan ayat objek, para pelajar mampu menjawab dengan baik. Ini adalah kerana pelajar telah didedahkan dengan binaan ayat kerja dan ayat nama. Cuma sebahagian kecil sahaja tidak dapat menjawab dengan baik kerana kurang menguasai binaan ayat kerja dan ayat nama serta jenis kata kerja transitif intrinsitif.

4.4.2.2. Analisis Penggunaan Kata Nama Lima Sebagai Objek

Jadual (35) : Penggunaan Kata Nama Lima Sebagai Objek

PENGGUNAAN KATA NAMA LIMA/ENAM	JUMLAH PERATUS
BETUL	53%
SALAH	36%
TIDAK ADA JAWAPAN	11%
JUMLAH	100%

Dalam jadual (35) di atas menunjukkan lebih daripada separuh di kalangan mereka yang berjaya menjawab dengan tepat dan betul bagi pemakaian kata nama tersebut iaitu 53%. Selain daripada itu, 36% dari jumlah sampel telah membina ayat yang salah dalam penggunaan kata nama lima/enam. Beberapa contoh jawapan yang dikemukakan oleh pelajar seperti berikut :

1. رأيت أباك : (Saya melihat ayah awak)
2. أكرم أباك : (Saya memuliakan ayah awak)
3. ضرب زيد أباك : (Zaid memukul saudara awak)

Kesalahan mereka dalam hal ini adalah kerana kelemahan tidak dapat membezakan kata kerja yang mengandungi objek atau tidak. Kesalahan mereka juga adalah dari segi penggunaan perubahan huruf pada tempat fleksi. Dalam kajian ini juga menunjukkan mereka telah menggunakan kata nama lima/enam sebagai subjek dan predikat. Kesalahan ini dapat dilihat di bawah ini:

- أَبُوكَ فِي الْإِدَارَةِ : (Ayah awak di pejabat)
- أَبُوكَ يَقْرَأُ الْقُرْآنَ : (Ayah awak membaca Al-Quran)
- نَصْرٌ مُحَمَّدٌ أَبُوكَ : (Muhammad telah menolong ayah awak)
- فَرَحَ أَبِيكَ : (Ayah awak gembira)
- أَنْ أَبِيكَ مُعَلِّمٌ : (Sesungguhnya ayah awak seorang guru)

Sehubungan dengan itu, jumlah sampel yang tidak dapat membina ayat adalah sebanyak 11%. Hal ini disebabkan oleh mereka tidak mengenali dan tidak mengetahui jenis kata nama lima/enam. Mereka menghukum secara generalisasi bahawa kata nama ini terlalu rumit. Pada hal kata nama ini merupakan kata nama yang telah dikhususkan dalam kategori ini.

4.4.2.3. Analisis Ayat Yang Mengandungi Objek

Jadual (36) : Ayat Objek

AYAT YANG MEMPUNYAI OBJEK	JUMLAH PERATUS
BETUL	87%
SALAH	13%
JUMLAH	100%

Dalam jadual di atas, pencapaian sampel telah menampakkan bahawa 87% dapat menentukan jenis ayat yang mempunyai objek. Manakala jawapan yang salah dipilih oleh sampel merangkumi 13% sahaja. Dalam hal ini, soalan yang disediakan

adalah berbentuk objektif. Di bawah ini dikemukakan antara jawapan mereka yang betul dan salah.

BETUL

أَعْطَى الْمُدِيرُ الْجَائزَةَ : (Pengetua telah memberi hadiah)

قَتَّلَ عَلَيُّ مُحَمَّداً : (Ali telah membunuh Muhammad)

جَعَلْتُ زَيْدًا كَرِيمًا : (Saya telah menjadikan Zaid mulia)

أَكْرَمَتْ لَيْلَى مُوسَى : (Laila telah memuliakan Musa)

شَرِبْتُ الْمَاءَ : (Saya minum air)

SALAH

فَوْقَ الشَّجَرَةِ طَابِرَةَ : (Burung di atas pokok)

أَبُوَةَ مُعْلِمٍ : (Ayahnya seorang guru)

فَاطِمَةَ كَرِيمَةَ : (Fatimah seorang yang mulia)

مُحَمَّدٌ فِي الْفَصْلِ : (Muhammad di dalam kelas)

سَلَّمَ عَلَيُّ بِمُحَمَّدٍ : (Ali bersalam dengan Muhammad)

Dalam kategori ini pelajar mampu menandakan ayat-ayat yang mempunyai objek dengan tepat dan betul. Ini adalah kerana soalan objektif dan mudah untuk dipilih sama ada betul atau salah jika dibanding dengan soalan binaan ayat. Mereka telah banyak didedahkan dengan soalan latih-tubi dan latihan-latihan dalam pembelajaran mereka.

4.4.2.4. Analisis Penggunaan Perkataan Objek

Jadual (37) : Penggunaan Perkataan Objek

PENGGUNAAN OBJEK	JUMLAH PERATUS
BETUL	55%
SALAH	17%
TIDAK JAWAB	28%
JUMLAH	100%

Jadual 37 di atas menunjukkan purata sampel yang mampu mengetengahkan jawapan dengan memberi makna yang tepat. Jumlah pelajar yang dapat menjawab dengan betul ialah 55%. Manakala sampel yang tidak menjawab soalan latihan yang dikemukakan ialah 28% dan yang memberi jawapan yang salah adalah 12%.

Para pelajar berjaya mengisi tempat kosong dengan jawapan yang tepat. Latihan-latihan seperti ini telah banyak diberikan pendedahan oleh tenaga pengajar mereka semenjak pra menengah rendah dan peringkat peperiksaan PMR. Namun begitu terdapat juga pelajar yang tidak mampu menjawab dan ini adalah kerana mereka kurang mempunyai perbendaharaan kata dalam pengetahuan mereka dan tidak memahami kehendak soalan.

4.4.2.5. Analisis Kata Kerja Memerlukan Objek

Jadual (38) : Kata Kerja Memerlukan Objek

KATA KERJA MEMERLUKAN OBJEK	JUMLAH PERATUS
BETUL	68%
SALAH	32%
TIDAK DIJAWAB	00%
JUMLAH	100%

Berdasarkan dapatan kajian di atas menunjukkan pelajar yang mampu menjawab dengan betul sebanyak 68%. Mereka dapat memilih jawapan yang betul dan tepat. Walaupun begitu terdapat juga di kalangan mereka sebanyak 32% yang masih lagi tidak mengenali kesilapan dan tidak dapat menentukan kata kerja yang perlu kepada objek.

Kemampuan pelajar yang memberi jawapan yang betul adalah kerana pemerhatian dan penelitian mereka terhadap kata kerja transitif. Hal ini agak mudah difahami oleh mereka kerana diberi penekanan oleh guru dengan latih-tubi di dalam kelas dan kerja rumah. Ada sebilangan kecil daripada mereka yang kurang mampu kerana mereka masih lagi keliru antara kata kerja, kata nama dan partikel. Kemungkinan ini adalah kerana kelemahan para pelajar yang tidak suka mendampingi guru dan kurang meminta penjelasan guru semasa pembelajaran berjalan di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah. Melalui perbincangan tidak formal dengan pelajar,

penulis mendapati mereka merasa rendah diri dan tidak berkeyakinan terutama daripada golongan miskin.

4.4.2.6. Analisis Soalan (16-20) Jenis-Jenis Objek

Jadual (39) : Jenis-Jenis Objek

JENIS-JENIS OBJEK	JUMLAH PERATUS
BETUL SALAH SATU	13%
BETUL SEMUA	40%
SALAH SEMUA	47%
JUMLAH	100%

Dalam hal ini, jadual 39 memperlihatkan hasil kajian dalam borang soal-selidik soalan (16-20) tentang jenis-jenis objek dalam bahasa Arab. Didapati peratusan terbesar berjumlah 47% yang sama sekali gagal menjawab dengan betul. Kumpulan yang memberi jawapan betul semua ialah 40% dan jawapan pelajar betul salah satu sebanyak 13%.

Oleh yang demikian, ada di kalangan mereka tidak berjaya menentukan jawapan yang tepat dan kurang pengetahuan mengenainya. Mereka tidak mahir tentang ciri jenis-jenis objek seperti objek tepat, objek pengiring, objek penerang, objek sebab dan objek penegasan. Bertolak dari sini menunjukkan bahawa sampel begitu lemah menguasai aspek objek.

Namun begitu ramai juga di kalangan mereka yang dapat mengemukakan jawapan yang tepat. Ini adalah kesungguhan mereka dalam pembelajaran dan banyak membuat latihan dan

mengemukakan sebarang permasalahan kepada guru dan rakan sebaya mereka.

4.4.2.7. Analisis Bilangan Frasa Objek

Jadual (40) : Bilangan Frasa Objek

BILANGAN FRASA OBJEK	JUMLAH PERATUS
BETUL SEMUA	35%
SALAH SEMUA	55%
TANPA JAWAPAN	10%
JUMLAH	100%

Jadual 40 di atas menunjukkan peratusan jawapan pelajar mengenai bilangan objek. Pengkaji telah menyediakan beberapa soalan 21-25 (rujuk soalan m/s 149 -150) untuk melengkapkan ayat yang mempunyai objek lebih daripada satu. Jawapan sampel yang dikemukakan tidak menepati kehendak soalan sebenar. Kebanyakan sampel hanya mampu memberi jawapan untuk satu objek sahaja. Mereka tidak menguasai kata kerja yang mengakusatifkan dua objek atau lebih. Kumpulan sampel yang terbesar terdiri dari kumpulan salah semua dengan peratus 55%. Pelajar yang betul semua jumlahnya sebanyak 35% dan diikuti dengan jumlah yang tidak memberi dengan sebarang jawapan sebanyak 10% sahaja. Contoh jawapan mereka yang salah adalah seperti berikut:

1. المدرسة المديّنة الجائزة كبيرة : (Sekolah pengetua ijazah tinggi)

2. بيت مكاناً قريباً : (Rumah tempat jauh)

3. يجعلن زيداً كريماً : (Kedua-duanya menjadikan Zaid mulia)

4. اعطى النار رماداً : (Saya memberi api arang)

5. احداث العدو جبنا : (Peristiwa musuh pengecut)

Kesemua jawapan sampel di atas adalah salah. Kesalahan pelajar dalam menjawab soalan ini ialah kerana kesilapan memilih dan menggunakan kosa kata yang memerlukan satu objek atau lebih. Mereka tidak dapat menyesuaikan ayat yang mengandungi dwitransitif dan tritransitif dalam klausa ayat yang lengkap. Jawapan yang betul adalah:

1. أعطي المديراً الجائزة كثيرة : (Pengetua telah memberi satu

hadiah bernilai)

2. حسبت مكاناً فربنا : (Saya anggap satu tempat yang jauh)

3. جعلت زيداً كريماً : (Saya telah menjadikan Zaid mulia)

4. حوّلت النار رماداً : (Saya menukarkan api menjadi abu)

5. أخبرتك العدو جبنا : (Saya telah memberi tahu musuh itu pengecut)

Kelemahan penguasaan pelajar dalam bilangan frasa objek adalah disebabkan mereka kurang mahir dengan kata kerja khusus bagi dwitransitif dan tritransitif. Sebahagian besar pelajar tidak mengingatinya. Kata kerja seperti ini perlu dihafal dan diingati. Mereka kurang memberi penumpuan kerana kaedah mengingat dan hafal menjemukan mereka. Dengan sebab inilah mereka kurang menguasai bilangan frasa objek.

4.4.3. Analisis Penguasaan Fleksi Objek

Jadual di bawah ini adalah penyataan peratus penguasaan fleksi di kalangan sampel tentang objek.

4.4.3.1. Analisis Fleksi

Jadual (41) : Fleksi

ANALISIS FLEKSI OBJEK	JUMLAH PERATUS
BETUL SEMUA	60%
SALAH SEMUA	26%
TANPA JAWAPAN	14%
JUMLAH	100%

Sebahagian besar di kalangan pelajar dapat menandakan jawapan yang tepat dengan baik. Pelajar yang mampu menjawab dengan jawapan betul semua ayat ialah sebanyak 60%. Walau bagaimanapun masih terdapat 26% pelajar yang memberi jawapan yang semuanya salah. Sehubungan dengan itu, sejumlah 14% dari kumpulan pelajar tidak menjawab soalan-soalan bahagian ini.

Contoh-contoh jawapan mereka yang salah adalah seperti berikut :

(rujuk soalan 26 m/s 150 lampiran 11)

سَجَدَ الْمُؤْمِنُ شَكْرًا

Jawapan Pertama: مَسْتَوْبٌ بِالْأَلْفِ (Akusatif dengan alif)

Jawapan Kedua: مَرْفُوعٌ بِالْأَلْفِ (Nominatif dengan alif)

Jawapan ketiga: مَرْفُوعٌ بِضَمَّةٍ (Nominatif berbaris hadapan)

Ketiga-tiga jawapan di atas adalah salah kesemuanya. Jawapan yang pertama akusatif dengan alif hampir betul. Pada tanggapan pelajar bahawa huruf alif di belakang menunjukkan tanda akusatif bagi kata nama objek. Jawapan sebenar ialah akusatif dengan baris di atas.

Jadual (42) :Analisis Fleksi Objek

ANALISIS FLEKSI OBJEK	JUMLAH PERATUS
BETUL SEMUA	48%
SALAH SEMUA	44%
TANPA JAWAPAN	8%
JUMLAH	100%

Kemampuan pelajar dalam bahagian ini hampir sama dengan bahagian analisis bilangan frasa objek. Sejumlah 48% dari kumpulan pelajar dapat menjawab dengan tepat dan 44% di kalangan mereka gagal dalam latihan bahagian ini. Pelajar yang tidak mampu menguasai soalan jenis ini lebih ramai bilangannya daripada pelajar yang mampu menjawab dengan tepat iaitu jumlah keseluruhan 52%. Di antara kesalahan mereka sebagaimana berikut: (rujuk soalan 28 m/s 151 lampiran 11)

1. الموظفات يحافظن أوقاتهن : (Dua orang pegawai menjaga masa semua orang perempuan)

2. الموظفون تكملون واجبتهما بأمانة : (Dua orang pegawai mereka menyempurnakan tugas kedua-dua dengan amanah)

3. رأيت المسلمتان في الجامع كوت بهارو. (Saya telah melihat dua wanita Islam di Kota Bharu)
4. العاملان تبدآن عملهم في الساعة الثامنة صباحاً. (Dua orang pekerja memulakan pekerjaan mereka pada pukul lapan pagi)
5. سفر الطالبان المجتهد إلى الجامعة المملكة السعودية. (Dua orang pelajar yang rajin telah berlepas ke Universiti Saudi)

Jawapan

1. المُؤْظفان يُحَافِظان أُوقاتَهُمَا. (Dua orang pegawai itu menjaga masanya)
2. المُؤْظفان يُكْمِلُان واجِيَّهُمَا بِأَمَانَةٍ. (Dua orang pegawai menyempurnakan tugas dengan amanah)
3. رأيت المُسْلِمَتَيْن في الجامع كُوتَ بَهَارُو. (Saya melihat dua wanita Islam di masjid Kota Bharu)
4. العاملان تبدآن عملهُمَا فِي السَّاعَةِ الثَّامِنَةِ صَبَاحًا. (Dua orang pekerja memulakan kerja pada pukul lapan pagi)
5. سفر الطالبان المُجتَهِدَان إلى الجامعة المملكة السعودية. (Dua orang pelajar yang rajin telah berlepas ke Universiti Saudi)

Kesalahan pelajar dalam soalan ini adalah kerana mereka keliru pada penambahan huruf akhiran kata nama, kata kerja dan kata ganti nama sebagaimana yang telah digariskan dalam contoh di atas. Contoh kesalahan pelajar pada المُؤْظفان adalah kerana mereka menambahkan alif tanpa membuang huruf wau. Begitu juga

dengan المُسْلِمَاتُ tidak dibuang huruf Tā'. Kesalahan kata kerja يُحَافِظُ adalah kerana mereka tidak memasukkan huruf nun pada akhiran kata kerja tersebut. Penambahan huruf bagi kata kerja duaan adalah berlainan di antara kata kerja kala kini dan kata kerja kala lepas. Penambahan huruf bagi kata kerja kala kini ialah Yā, di hadapan dan huruf لَنْ di akhiran perkataan. Bagi kata kerja kala lepas pula ialah alif di belakang sahaja. Dengan kekeliruan inilah menyebabkan mereka salah dalam soalan bahagian ini.

4.5. Kesimpulan

Melalui analisis dan penelitian, penulis dapat memberi kesimpulan bahawa pembelajaran bahasa Arab di Ma'ahad Muhammadi adalah baik tetapi banyak aspek yang perlu diperbaiki lagi khasnya dalam bidang sintaksis, semantik, tatabahasa, struktur ayat, bentuk objek, jenis-jenis objek, kata kerja transitif dan intransitif serta penukarannya, ciri-ciri bilangan objek, kedudukan objek dalam pola ayat, fleksi, faktor-faktor lain yang boleh mengakusatifkan objek.

Oleh yang demikian, perlu diberikan penekanan dan pemerhatian khas kepada jenis-jenis objek, bilangan objek dan frasa objek kerana kesalahan ini amat ketara dilakukan oleh responden. Kenyataan ini terbukti dalam borang soal selidik (lampiran 1) apabila lebih daripada 1/2 pelajar iaitu 59% menyatakan mereka berada pada tahap lemah dan 31% pula berada di tahap sederhana.